



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14/3/2013

Ketua pengganas Sulu gagal melarikan diri

Azzumudie dalam kepungan

AM-14/3/2013

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
pengarang@utusan.com.my

LAHAD DATU 13 Mac - Pasukan keselamatan yakin ketua pengganas Sulu yang melancarkan serangan bersenjata di daerah ini, Azzumudie Kiram masih berada dalam kawasan kepungan bersama ahli kumpulannya.



Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib (gambar) berkata, Azzumudie tidak mungkin dapat melarikan diri dan meninggalkan kumpulannya bersendirian.

"Kita berkeyakinan dia (Azzumudie) masih berada dalam lokasi Ops Daulat berdasarkan kawalan kejut pasukan keselamatan di kawasan operasi di Kampung (Kg.) Tanjung Batu, Kg. Sungai Nyamuk dan Kg. Sungai Bilis selain perairan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama Panglima 1 Divisyen, Infantri Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Mohd. Zaki Mokhtar di markas operasi Felda Sahabat 16 dekat sini hari ini.

Dalam pada itu, katanya, operasi pembersihan musuh di Kampung Tanduo masih dilakukan dan 10 keluarga di perkampungan tersebut

belum dibenarkan pulang.

Tambah Hamza, kesemua penduduk di situ akan menjalani pemeriksaan bagi pengesahan kerakyatan selain tanah yang diduduki mereka, sama ada milik kerajaan negeri atau hak persendirian.

Beliau berkata, tiada pertempuran dilapor sejak malam tadi hingga pukul 10 pagi ini dan operasi kini diperluas ke Sungai Nyamuk berhampiran Tanjung Batu.

Selepas sembilan hari Ops Daulat, pasukan keselamatan men-

nembak mati 56 musuh dan 25 daripada mayat penceroboh militan itu telah dibawa keluar dari zon merah.

Seramai 156 orang ditahan kerana berada di zon merah operasi manakala 97 individu ditahan untuk siasatan kerana disyaki terlibat dengan pengganas mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan dibaca bersama Seksyen 130 Kanun Keseksaan.

Sehingga kini, 10 anggota pasukan keselamatan terkorban iaitu lapan anggota polis dan dua tentera. Seorang daripada anggota tentera itu terbunuh dalam kemalangan jalan raya di Km 37 Jalan Lahad Datu-Kampung Tungku.



ANGGOTA Unit Tindakan Khas (UTK) melakukan kawalan di sekitar Kampung Senallang, Semporna, semalam.